

08 JUL 2001

Mahathir-Universiti

SISWA ANTI-KERAJAAN AKAN DISINGKIR, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 8 Julai (Bernama) -- Mahasiswa yang didapati terbabit dalam gerakan menentang kerajaan di masa depan akan disingkir dari universiti, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Jika tidak tumpu pada pelajaran, mereka akan dikeluarkan dari universiti," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas meninjau projek pembangunan di sini.

Syarat seperti itu akan dikenakan memandangkan banyak pelajar terutama mahasiswa Melayu terbabit dalam gerakan anti-kerajaan, katanya.

"Saya berasa amat sedih, nampak seolah-olah pelajar Melayu, pelajar lain tak ada masalah, menjadikan universiti untuk bergerak dalam bidang politik yang tertumpu kepada aktiviti menentang kerajaan," katanya ketika ditanya mengenai kegiatan pelajar universiti yang semakin agresif kebelakangan ini.

Dr Mahathir berkata beliau dapati kegiatan mereka semakin rancak dan kadang-kadang di luar batasan dan mengancam keselamatan negara.

Jumaat lepas, polis menangkap Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya Mohamad Fuad Ikhwan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana disyaki terlibat dalam kegiatan yang menggugat keselamatan dan ketenteraman negara. Sebelum itu, penuntut Institut Kemahiran Mara, Khairul Anwar Ahmad Zainuddin turut ditangkap mengikut akta yang sama.

Dr Mahathir berkata bahawa di masa akan datang, pemilihan ke universiti adalah hanya untuk mereka yang mahu belajar dan bukannya mereka yang menumpukan perhatian kepada kegiatan tidak mendatangkan faedah.

"Mungkin di masa akan datang, kita akan pilih mereka yang masuk ke universiti di kalangan mereka yang nak belajar dan kalau didapati aktiviti itu tak tertumpu pada pelajaran, mereka akan dikeluarkan", katanya.

Dr Mahathir berkata tiada gunanya kerajaan mengeluarkan belanja yang besar untuk kepentingan mereka sekiranya mereka langsung tidak menghiraukan keprihatinan kerajaan.

Sebaliknya, kata beliau, mereka menganggap universiti sebagai pusat untuk mengemblengkan penuntut menentang kerajaan semata-mata.

"Jadi apa guna belanja wang yang banyak kalau mereka tak mahu belajar," katanya.

Ketika ditanya mengenai belanjawan negara untuk tahun depan, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, ia akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pelaburan dalam negeri untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya kerajaan tidak boleh bergantung pelaburan asing sekarang ini memandangkan ia tidak banyak dan lebih tertumpu ke negara China yang lebih murah.

Beliau berkata kerajaan telah mengenal pasti banyak bidang pembuatan yang boleh diusahakan.

Ketika ditanya sama ada belanjawan kali ini merupakan "belanjawan rakyat atau belanjawan korporat" Dr Mahathir berkata : "Tak ada apa nak bagi nama. Tiap-tiap tahun kita dok bagi nama dan apa yang pasti ia adalah (ke arah) pembangunan negara untuk rakyat."

-- BERNAMA

NH MAI